



LEMBAGA
LEBUHRAYA
MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG (LUARAN)

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 (26)

1) PENOLONG PEGAWAI TADBIR (GRED N29) KONTRAK

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29) Kontrak
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
2. Jadual Gaji Minimum – Maksimum : RM 1,493.00 – RM 5,672.00
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

- ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

- iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

- d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a.
 - i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
 - ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- b. had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang-undang.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.lm.gov.my> mulai **22 Februari 2021 (Isnin) hingga 7 Mac 2021 (Ahad)**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **8 Mac 2021 (Isnin)**.

PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
- iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.